



**KERAJAAN MALAYSIA**

**PEKELILING TRANSFORMASI PENTADBIRAN AWAM  
BIL. 3 TAHUN 2018**

**PANDUAN PENGURUSAN PROJEK ICT SEKTOR AWAM  
(PPrISA)**

**UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN  
MALAYSIA (MAMPU)  
JABATAN PERDANA MENTERI**

## KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Kandungan	i
Tujuan	2
Latar Belakang	2
Metodologi PPrISA – Panduan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam	2
Pelaksanaan	3
Pemakaian	4
Tarikh Berkuat Kuasa	4
Pembatalan	4
Tarikh Berkuatkuasa	4
Pertanyaan	4

## TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada ketua-ketua jabatan Kerajaan mengenai panduan yang sistematik dan menyeluruh tentang aspek pengurusan projek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melalui Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (PPrISA).

## LATAR BELAKANG

2. Kerajaan sentiasa memberi penekanan terhadap inisiatif yang berpaksikan rakyat dengan memberi penekanan dan tumpuan kepada peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan awam ke tahap yang lebih cemerlang. Salah satu bidang fokusnya adalah mempertingkatkan kualiti pengurusan projek sebagai faktor yang menyokong kepada penghasilan *outcome* yang efektif.
3. Pengurusan projek yang cekap dan berkesan harus diberikan penekanan bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut skop, kos, tempoh masa dan kualiti yang ditetapkan. Agensi sektor awam perlu menggunakan metodologi pengurusan projek bagi memastikan projek dapat dilaksanakan secara sistematik dan efisien.
4. Justeru, bagi meningkatkan kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan projek agensi sektor awam, MAMPU telah membangunkan **Panduan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (PPrISA)** sebagai rujukan utama bagi menguruskan projek ICT dengan lebih sistematik. PPrISA dibangunkan dengan merujuk kepada beberapa metodologi pengurusan projek antarabangsa dan juga libat urus bersama Pengurus ICT sektor awam, pihak Institusi Pengajian Tinggi serta wakil-wakil industri Malaysia.

## PANDUAN PENGURUSAN PROJEK ICT SEKTOR AWAM (PPrISA)

5. PPrISA ialah satu standard teknik dan prosedur bagi membantu agensi melaksanakan pengurusan projek ICT dengan lebih sistematik dan konsisten. Panduan ini mengandungi empat (4) fasa pengurusan projek ICT bermula dari Fasa Permulaan; Fasa Perancangan; Fasa Pelaksanaan dan Kawalan; serta Fasa Penamatan. Setiap fasa disokong dengan penggunaan templat yang boleh digunakan

sebagai dokumen rasmi dalam pengurusan projek ICT. Ringkasan aktiviti setiap fasa adalah seperti berikut:

**(i) Fasa Permulaan**

- a. Kenalpasti skop, kos dan tempoh projek.
- b. Kelulusan peruntukan kewangan.
- c. Kelulusan memulakan projek.

**(ii) Fasa Perancangan**

- a. Perincian perancangan projek (tadbir urus, aktiviti, kos, tempoh, sumber).
- b. Pembangunan pelan-pelan mengurus dan mengawal projek.

**(iii) Fasa Pelaksanaan dan Kawalan**

- a. Melaksanakan aktiviti projek dan pengesahan serahan-serahan.
- b. Memantau dan mengawal projek melalui pelan-pelan yang telah dibangunkan.

**(iv) Fasa Penamatan**

- a. Melaksanakan aktiviti penamatan projek.
- b. Mengukur prestasi projek.
- c. Penutupan projek secara rasmi.

6. Penggunaan metodologi ini adalah salah satu kaedah yang boleh membantu membawa kepada kejayaan pelaksanaan projek ICT Sektor Awam. Walau bagaimanapun struktur tadbir urus yang baik dan jelas, pengalaman dan kemahiran Pengurus Projek dalam menyelaras dan membimbing pasukan serta sokongan dan komitmen pasukan projek dan semua peringkat agensi memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan projek ICT.

## **PELAKSANAAN**

7. Agensi sektor awam disarankan mengguna pakai **Panduan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (PPriSA)** sebagai asas bagi memantapkan pengurusan

projek ICT dari aspek perancangan, pengurusan, pelaksanaan dan pemantauan. Metodologi ini boleh disesuaikan mengikut keperluan dan keupayaan agensi.

8. PPrISA juga digunapakai bagi menguruskan projek-projek ICT sama ada yang dilaksanakan secara dalaman, khidmat luaran (*outsourcing*) iaitu menggunakan perkhidmatan dari pihak luar atau *co-sourcing* (gabungan dalaman dan *outsourcing*).

## **PEMAKAIAN**

9. Pekeliling ini terpakai kepada semua agensi sektor awam. Agensi adalah tertakluk kepada Arahan Keselamatan Kerajaan, Dasar Keselamatan ICT agensi dan dasar/arahan/peraturan yang berkuat kuasa semasa melaksanakan pengurusan projek ICT Sektor Awam.

## **PEMBATALAN**

10. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam ini, maka Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU Panduan Pelaksanaan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam bertarikh 5 Mac 2010 dibatalkan.

## **TARIKH BERKUAT KUASA**

11. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan dan terpakai sehingga ada keperluan untuk dikaji semula.

## **PERTANYAAN**

12. Sebarang pertanyaan mengenai pekeling ini boleh dikemukakan kepada:

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU),  
Jabatan Perdana Menteri,  
Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 Putrajaya

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faksimile : 03-8000 8001

Laman Web : [www.mampu.gov.my](http://www.mampu.gov.my)

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**TAN SRI DR. ALI HAMSA**  
Ketua Setiausaha Negara

/ Mac 2018

MAMPU.100 – 1/8/7 Jld. 2 (62)

Diedarkan kepada:

- Semua Ketua Setiausaha Kementerian
- Semua Ketua Jabatan Persekutuan
- Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Tempatan